

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Peningkatan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

SAMBUNG BELAJAR SECARA SEPENUH MASA ATAU SEPARUH MASA?

Suhana Mohamed, Fifi Syafika Othman, Nur Aniera Alieana Mohamad Zani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan, Johor
Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor, Malaysia

Nurulashikin Romli
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan, Johor
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia

Emel koresponden: suhana291@uitm.edu.my

Apabila ada rakan-rakan atau para pelajar yang ingin menyambung pelajaran, kebiasaannya mereka akan bertanya kepada saya. Ini kerana, saya telah menamatkan pelajaran secara separuh masa di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD). Jadi, mereka ingin mendengar apa-apa sahaja yang ingin saya perkatakan. Maklumlah, bercakap daripada pengalaman sendiri, bukankah lebih mudah? Pun begitu, kebiasaannya saya tidak suka bercerita banyak. Cukuplah apabila saya katakan kepada mereka, pergilah sambung belajar dahulu kemudian baru tahu dan boleh bagi maklumbalas. Ini kerana, perjalanan bagi setiap orang itu tidak akan sama.

Tidak kurang juga ada yang memberikan pandangan mereka tentang menyambung pelajaran. Ada yang mengatakan kalau hendak menyambung pelajaran, lebih baik secara sepenuh masa saja kerana ia mudah dan cepat. Siapaah kita untuk menidakkan kebaikan belajar secara sepenuh masa.

Bukankah itu sememangnya bagus? Apatah lagi jika mendapat biasiswa. Tetapi jangan dilupa, sambung belajar secara separuh masa juga amat baik dan tidak kurang hebatnya. Tetap bahagia, tetap boleh dapat keputusan yang baik dan tetap berjaya menyiapkan apa sahaja tugas hakiki tanpa culas

Nah, apabila difikir-fikirkan, rasanya boleh sahaja saya dan rakan-rakan kongsiikan apa yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang ingin menyambung pelajaran mereka. Tidak kiralah anda ingin belajar secara sepenuh masa atau separuh masa. Perjalanan kita sudah pasti tidak akan sama. Pilihlah apa sahaja yang terbaik untuk diri sendiri pada masa tersebut.



Ada dua faktor yang penting dan perlu diperhalusi oleh sesiapa sahaja yang ingin menyambung pelajaran mereka. Ini kerana sambung belajar itu seakan-akan senang tetapi sebenarnya perlu diperhalusi supaya tidak pula mengganggu tugas yang sedia ada.

Dua faktor tersebut adalah:

MATLAMAT

Bagi mereka yang ingin menyambung pelajaran, fikirkanlah dulu apakah matlamat anda untuk menyambung pelajaran. Adakah anda ingin menyambung pelajaran untuk mendapat gaji yang lebih tinggi atau peluang pekerjaan yang lebih baik? Sebelum menerima apa sahaja kerja, carilah maklumat yang lebih tepat berkenaan kerja yang ingin anda lakukan. Adakah kerja tersebut sesuai dengan anda atau berkaitan dengan apa yang anda pernah pelajari.

Nampak senang namun sukar juga untuk membuat keputusan? Benar. Tidak mudah untuk mencari sebab kenapa ingin menyambung pelajaran. Sekiranya anda seorang pekerja, carilah jawapan untuk ini. Adakah dengan menyambung pelajaran, anda boleh mendapat peluang untuk kenaikan pangkat, gaji atau apa sahaja. Sekiranya ya jawapannya, maka teruskanlah niat anda itu. Ini kerana, anda tahu, pada akhirnya anda akan mendapat imbuhan yang setimpal dengan apa yang anda harapkan daripada menyambung pelajaran itu.

Dalam masa yang sama, sekiranya tiada peluang untuk kenaikan pangkat atau gaji ditempat anda sekarang, anda bolehlah menyambung pelajaran untuk mendapat peluang yang lebih baik pada masa akan datang. Ini kerana, ramai yang mendapat peluang yang lebih bagus daripada segi gaji, pangkat atau lain-lain sebaik sahaja mereka berjaya menamatkan pelajaran mereka.

KURSUS

Bila bercakap mengenai kursus apa yang perlu atau patut diambil oleh seseorang, sebenarnya ia bergantung kepada apa yang ingin kita capai. Contohnya, seseorang yang ingin menjadi pensyarah, sudah pastilah kursus yang perlu diambil perlu sama daripada ijazah sarjana muda sampailah ke peringkat PhD. Jangan sesekali bertukar-tukar kursus kerana pada akhirnya penilai universiti akan mengambilkira apa jua kursus daripada ijazah sarjana muda sampailah ke peringkat PhD dan ia perlulah sama supaya mudah untuk menentukan calon ini sesuai menjadi pensyarah di fakulti mana.

Pun begitu, ia sudah pasti tidak sama dengan mereka yang bekerja dengan syarikat swasta. Ini kerana, kebanyakan syarikat ingin mempunyai pengurus yang mempunyai sarjana. Kebanyakan mereka ini mengambil sarjana dalam bidang pengurusan kerana tugas mereka yang memerlukan mereka untuk menjadi pengurus yang lebih efektif. Sudah pasti dengan sarjana dan kadangkala PhD yang diambil boleh membantu syarikat untuk lebih maju daripada sekarang. Siapa tahu kan?

Pun begitu, sekiranya ada di antara mereka ini ingin menjadi pensyarah, siapa tahu, seperti saya juga, ada baiknya mereka mengambil sarjana dan PhD yang berkaitan dengan ijazah mereka. Itu lebih sesuai dan lebih baik. Ini kerana, untuk pemilihan pensyarah di universiti tempatan, Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) semasa ijazah sarjana muda perlu lebih 3.00 dan sarjana serta PhD perlu dalam bidang berkaitan. Nampak mudah ya, cuma perlu usaha lebih.

Bila difikir-fikirkan kembali, perjalanan setiap orang tidak akan sama. Teruskan saja perjalanan yang ingin kita lalui. Terkadang, tidak perlu mengikut jalan orang lain. Namun, kita perlu pastikan percaturan macamana yang terbaik untuk diri kita. Persoalan mengenai sambung belajar secara sepenuh masa atau separuh masa sebenarnya perlu mengikut kesesuaian diri sendiri. Mungkin mudah pada orang lain namun tidak bagi kita. Begitulah sebaliknya. Apapun, selamat berjaya untuk anda semua!





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com